

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 15 NOVEMBER 2014 (SABTU)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Syarikat status BioNexus labur RM4.4 bilion	Berita Harian
2	Syarikat berstatus BioNexus terus berkembang melalui pelaburan RM4.4 bilion	Bernamea.com
3	Waspada ancaman siber	Harian Metro
4	Gempa bumi kuat di laut Maluku Utara tidak beri kesan kepada negara	Bernamea.com
5	Gempa bumi sederhana landa Papua New Guinea	Bernamea.com
6	Amaran angin kencang dan laut bergelora sehingga ahad di pantai timur	Bernamea.com
7	Gempa kuat berlaku di laut Maluku utara	Bernamea.com
8	KKMM akan pastikan semua menara komunikasi berfungsi ketika banjir – Ahmad Shabery	Bernamea.com
9	Teknologi pintar kunci penyelesaian pelbagai isu	Berita Harian

## Syarikat status BioNexus labur RM4.4 bilion

**Syarikat** berstatus BioNexus terus muncul sebagai antara penyumbang utama kepada ekonomi menerusi pelaburan berjumlah RM4.4 bilion sejak penubuhan inisiatif bioekonomi Malaysia pada tahun 2007.

Menurut **Biotechnology Corporation (BiotechCorp)**, setakat ini, 240 syarikat bioteknologi tempatan dan luar negara diberikan status BioNexus, mewujudkan pasaran khusus untuk produk yang boleh dikomersialkan.

Pada tahun 2010, bioekonomi menyumbang sehingga 13.4 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau bersamaan dengan nilai RM106.7 bilion, demikian menurut kenyataan daripada BiotchCorp, agensi yang dipertanggungjawabkan untuk memacu bioteknologi Malaysia.

Berdasarkan unjuran kadar pertumbuhan 15 peratus, KDNK bioekonomi dijangka meningkat kepada RM149.1 bilion menjelang tahun 2020 dan RM181.2 bilion pada 2030.

Mendapat rangsangan daripada penerokaan dalam bioekonomi, Program Transformasi Bioekonomi dan syarikat berstatus BioNexus akan menjadi tumpuan perbincangan pada Pameran dan Persidangan BioMalaysia & Bioekonomi Asia Pasifik 2014 di Universiti Malaya pada 19 hingga 20 November ini.

Bertemakan 'Perkongsian Inovasi, Pelaburan & Pertumbuhan untuk Industri berasaskan Bio', acara itu dijangka dapat menggalakkan perkongsian untuk memacu inovasi dan pertumbuhan dalam sektor berasaskan bio, dengan sasaran meletakkan Malaysia sebagai kuasa bioekonomi pada masa depan. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta BiotechCorp adalah penganjur bersama acara tahunan itu yang akan menampilkan persembahan, pelancaran produk baharu, demonstrasi produk dan sesi perkongsian perniagaan.

**BERNAMA**



## Syarikat Berstatus Bionexus Terus Berkembang Melalui Pelaburan RM4.4 Bilion

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Syarikat berstatus BioNexus terus muncul sebagai antara penyumbang utama kepada ekonomi melalui pelaburan berjumlah RM4.4 bilion sejak penubuhan inisiatif bioekonomi Malaysia pada 2007, kata [Biotechnology Corporation \(BiotechCorp\)](#).

Setakat ini, 240 syarikat bioteknologi tempatan dan luar negara telah diberi status BioNexus, mewujudkan pasaran khusus untuk produk-produk yang boleh dikomersialkan.

Pada 2010, bioekonomi menyumbang sehingga 13.4 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau bersamaan dengan nilai RM106.7 bilion, demikian menurut kenyataan daripada BiotchCorp, agensi yang dipertanggungjawabkan untuk memacu bioteknologi Malaysia ke hadapan.

Berdasarkan unjuran kadar pertumbuhan 15 peratus, KDNK bioekonomi dijangka meningkat kepada RM149.1 bilion menjelang 2020 dan RM181.2 bilion pada 2030.

Mendapat rangsangan daripada penerokaan dalam bioekonomi, Program Transformasi Bioekonomi dan syarikat berstatus Bionexus akan menjadi tumpuan perbincangan di Pameran dan Persidangan BioMalaysia & Bioekonomi Asia Pasifik 2014 di Universiti Malaya pada 19 hingga 20 Nov ini.

Bertemakan "Perkongsian Inovasi, Pelaburan & Pertumbuhan untuk Industri berasaskan Bio", acara itu dijangka dapat mengalakkan perkongsian untuk memacu inovasi dan pertumbuhan dalam sektor berasaskan bio, dengan sasaran meletakkan Malaysia sebagai kuasa bioekonomi pada masa hadapan.

[Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi](#) serta [BiotechCorp](#) merupakan penganjur bersama acara tahunan itu yang akan menampilkan persembahan, pelancaran produk baru, demonstrasi produk dan sesi perkongsian perniagaan.

-- BERNAMA

## Waspada ancaman siber

**Ipoh:** Keselamatan siber kini dilihat semakin diancam dengan kecanggihan serta perkembangan penggunaan peralatan komunikasi yang mempunyai capaian terus kepada Internet sekali gus memudahkan penggoda melancarkan serangan untuk mencuri maklumat.

Ketua Pegawai Eksekutif Keselamatan Siber Malaysia (CSM) Dr Amiruddin Abdul Wahab berkata, penjenayah siber sering meningkatkan usaha mereka untuk melakukan pelbagai cara terutama dalam mendapatkan maklumat peribadi serta data bank.

"Serangan siber adalah realiti hari ini dan kumpulan penggoda ini semakin canggih dan kompleks.

"Menjadi keutamaan setiap syarikat di Malaysia sentiasa bersedia dan berwaspada dalam menentang ancaman keselamatan siber dengan meningkatkan kecekapan dan kapasiti pertahanan siber mereka," katanya.



## Gempa Bumi Kuat Di Laut Maluku Utara Tidak Beri Kesan Kepada Negara

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Rakyat tidak perlu bimbang dengan kejadian gempa bumi kuat yang dilaporkan berlaku di Laut Maluku Utara pagi tadi, kata [Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Datuk Che Gayah Ismail](#).

Beliau berkata pergerakan gempa yang dilaporkan jabatan itu berada jauh dari negara ini.

"Rakyat tidak perlu bimbang dengan kejadian itu kerana ia tidak memberi sebarang kesan kepada Malaysia," katanya kepada Bernama.

Gempa bumi berukuran 7.2 pada skala Richter dilapor berlaku di Laut Maluku Utara pada pukul 10.31 pagi tadi.

Pusat gempunya ialah 160 kilometer ke barat laut Ternate, Indonesia dan 938 kilometer dari tenggara Semporna, Sabah.

Che Gayah berkata pihaknya sentiasa memantau sebarang kejadian gempa bumi dan tsunami dan akan memaklumkan kepada orang awam dari semasa ke semasa.

Agensi berita AFP memetik jurucakap Pusat Amaran Tsunami Pasifik sebagai berkata gempa berkenaan berpotensi menyebabkan tsunami di sepanjang pantai kepulauan berkenaan.

Pusat itu juga berkata gelombang tsunami boleh turut melanda sebahagian Indonesia, Filipina, Jepun, Taiwan dan kepulauan Pasifik Selatan.

-- BERNAMA

